

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 21. (Disember, 2007M/Zulkaedah, 1427H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

Selamat Berangkat Bakal-bakal Haji.....

Kini kita melangkah kebulan kesebelas dalam kalender Islam iaitu Bulan Zulkaedah. Dari segi bahasa, Zulkaedah ertinya 'yang mempunyai duduk.' Zul ertinya 'yang mempunyai' dan kaedah ertinya 'duduk.' Dinamai demikian kerana semua lelaki pada bulan ini duduk-duduk sahaja, tidak ada yang bermusafir atau meninggalkan rumah.

Namun ianya agak berbeza pada masyarakat kita di Malaysia hari ini. Oleh kerana bulan ini masih lagi musim cuti persekolahan, peluang ini diambil untuk berwisata bersama keluarga sambil menghabiskan cuti tahunan (bagi yang bekerja makan gaji). Tidak kurang juga hebat pada tempoh ini ialah majlis walimatul-urus atau majlis kenduri kahwin. Ini menjadikan kita sibuk dan tidak sekadar duduk-duduk saja di rumah.

Zulkaedah adalah juga termasuk dalam bulan-bulan haji. Dibulan ini juga, bakal-bakal jemaah haji tahun ini dari negara kita mula berangkat ke Tanah Suci Mekah. Kita mendoakan agar mereka ini selamat sampai dan dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna dan mendapat haji yang mabrur. Sesuai dengan situasi ini maka Buletin kali ini akan berkongsi sedikit pengetahuan yang berkaitan dengan Haji dan Umrah. Mudah-mudahan ianya memberi manfaat kepada kita, wallahualam - pengarang

LABAIKALLAH HUMMA LABBAIK...

Bulan Zulkaedah adalah termasuk dalam bulan-bulan Haji. Didalam bulan inilah biasanya umat Islam dari Malaysia memulakan perjalanan ke Tanah Suci Makkah al-Mukarramah untuk menunaikan tuntutan Rukun Islam yang kelima iaitu mengerjakan haji. Dikesempatan ini, marilah sama-sama kita melihat konsep ibadah ini bagi menguatkan lagi keazaman kita untuk melaksanakan ibadah ini dengan sempurna (kepada yang akan menunaikannya pada kali ini), atau memberikan dorongan kepada semua "bakal-bakal haji (yang belum lagi menunaikan ibadah ini)."

Pengertian Haji - Mengkasadkan baitullah al-Haram di Mekah untuk mengerjakan ibadah dengan syarat-syarat tertentu.

Ibadah Haji ini adalah satu daripada Rukun Islam yang lima yang mempunyai nilai-nilai yang mulia secara tersendiri.

Dalil-dalil kefarduan ibadah ini ialah firman Allah yang bermaksud, "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah Haji (dengan) mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya," - Ali-Imran : 97

Sebenarnya ibadah ini telah dilakukan oleh orang-orang Arab di zaman Jahilliah dahulu yang mengerjakan haji menurut cara mereka sendiri iaitu berdasarkan tradisi mereka yang sesat. Ada diantara mereka yang tawaf berbogel, ada yang bertepuk-tepuk tangan, ada yang membesarkan berhalo bukan membesarkan dan memuliakan Allah sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail a.s. Di dalam al-Quran ada diterangkan cara kesesatan mereka di Kaabah. Firman Allah yang bermaksud, "Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi Baitullah itu melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan." - Al-Anfal : 35

Cerita Pembinaan Kaabah

Kaabah ialah pusat yang terpenting untuk menunaikan Fardu Haji. Maka sayugia kita mengetahui sedikit sebanyak tentang peristiwa mendirikan Kaabah itu. Pembinaan Kaabah ialah dimasa Nabi Ibrahim a.s. Pada zaman tersebut ramai orang menyembah berhala. Mereka tidak menyembah Allah Yang Maha Esa. Nabi Ibrahim a.s dan isterinya Siti Hajar dan Puteranya Ismail meninggalkan negeri Sham iaitu tanahair datuk neneknya menuju kearah selatan negeri Hijaz yang tandus dan terpencil daripada orang ramai semata-mata untuk membentuk keluarga yang menyembah Allah Yang Maha Esa.

Apabila Nabi Ismail dewasa, Allah menyuruh Nabi Ibrahim supaya membina tempat sembahyang yang membolehkan orang-orang berhimpun di situ untuk menyembah Allah Yang Maha Esa serta bersyukur di atas nikmat-Nya yang tidak terhingga. Peristiwa ini disebutkan di dalam al-Quran. Firman Allah yang bermaksud, "Dan ingatlah ketika (Nabi) Ibrahim bersama-sama dengan anaknya (Nabi) Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu sambil keduanya berdoa dan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkau lah yang amat mendengar lagi amat mengetahui." - Al-Baqarah : 127.

Setelah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail selesai membinanya lalu Allah menyuruh mereka mengawalinya supaya dijauhkan daripada kekotoran lahiriah seperti najis dan kekotoran maknawiyah seperti syirik kepada Allah. Firman Allah yang bermaksud, "Dan kami perintahkan kepada (Nabi) Ibrahim dan (Nabi) Ismail (dengan berfirman): bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah dan Masjid al-Haram dari segala perkara dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk sujud." - Al-Baqarah : 125

Selain itu, Allah juga berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya rumah ibadah yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada tuhanNya) ialah (Baitullah) yang di Mekah, yang berkat dan (dijadikan) pertunjuk hidayah bagi umat manusia. Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaanya), (di antaranya ialah) Makam (Nabi) Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia." - Ali-Imran : 96,97.

Setelah Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail wafat orang-orang yang kemudian mencampurkan kedalam haji berbagai perkara yang munkar seperti syirik dan menyembah berhala.

Untuk membasmi perkara-perkara tersebut maka Allah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w agar manusia kembali semula kepada tauhid yang sebenar yang telah diseru oleh Nabi Ibrahim dahulu. Firman Allah yang bermaksud, "Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agama-Nya); dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama-agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu 'orang-orang Islam' semenjak dahulu." - Al-

Haj : 78

bersambung di muka 2

PERJALANAN KE TANAH SUCI.....

Semangat haji di dalam Islam

Sebenarnya ibadat haji didalam Islam dengan haji di dalam agama-agama lain ada perbezaan yang amat besar. Sebab haji disisi mereka ialah mengambil berkat dengan menziarahi kubur orang-orang suci dan kesan-kesan bangunan lama yang ditinggalkan oleh datuk nenek mereka. Manakala haji didalam Islam menziarahi dan mengqasadkan Baitullah al-Haram untuk mencapai faedah rohaniah, moral, kemasyarakatan dan ekonomi. Firman Allah Yang bermaksud: "Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji nescaya mereka akan datang kepada (rumah binaan)-Mu dengan berjalan kaki, dan dengan berkenderaan jenis-jenis unta yang kurus, yang datangnya dari berbagai-bagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai-bagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban) dengan demikian makanlah kamu dari daging-daging binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang-orang yang susah, yang fakir miskin." Al-Haj : 27-28.

Jika diperhatikan firman Allah diatas yakni supaya mereka mempersaksikan berbagai manfaat bagi mereka, maka ulama telah mentafsirkan berbagai manfaat yang mengandungi segi keagamaan, keduniaan sebagai agama dan dunia. Di dalam al-Quran adalah dua perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain. Disamping itu ada hikmat yang penting lagi iaitu dari segi ekonomi.

Kita melihat negara Islam di dalam dunia ini mempunyai berbagai-bagai bahan mentah seperti petroleum, getah, kelapa sawit, kapas, kayu-kayan, bahan-bahan logam seperti besi, tembaga, perak, emas dan sebagainya. Maka dengan Muktamar Am dan perhimpunan wakil-wakil dari negara Islam itu dapat dibuat perjanjian ekonomi, perusahaan dan perdagangan dan lain-lainnya, untuk mencari kepentingan bersama diantara negara-negara Islam di dalam dunia. Dengan demikian perhubungan dan semangat kerjasama diantara negara Islam sentiasa terjalin rapat.

Hukum Ihram

Apabila seseorang Muslim melakukan al-Ihram maka diharamkan keatasnya melakukan perbuatan-perbuatan yang berupa kemewahan dan keseronokan dari segi kebendaan. Dia tidak boleh memakai bau-bauan, tidak boleh memakai pakaian berjahit, tidak boleh memakai kasut-kasut, tidak boleh berhias, tidak boleh memotong kuku dan sebagainya.

Hikmat larangan tersebut ialah haji itu ibadat yang bertujuan menghampirkan diri kepada Allah Taala dan memohon ganjaran yang berlipat ganda yang disediakan Allah di negeri akhirat kelak. Diantara hikmat yang lain adalah melatih diri supaya tidak digugat oleh fitnah mata benda atau kemewahan material dunia, sebaliknya untuk melatih diri hidup sederhana, hidup zahid supaya dengan demikian ia akan berjaya memperjuangkan nilai-nilai rohaniah yang mulia.

Al-Ihram dan Kesejahteraan

Orang yang berihram berkat semasa memandang Kaabah harus berdoa: "Wahai Tuhan kami, Engkaulah kesejahteraan, daripada engkaulah datang kesejahteraan, hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan, wahai Tuhan kami! Tambahkanilah rumah yang mulia ini dengan kemuliaan, kehormatan dan kehebatan-kehebatan dan tambahkanlah kepada orang yang menunaikan haji dan umrah, dengan kemuliaan dan kehormatan."

Doa ini menunjukkan dengan jelas bahawa diantara tujuan haji di dalam Islam adalah menanam, menyubur dan memperkembangkan semangat cintakan kesejahteraan dan keamanan didalam jiwa dan lubuk hati setiap muslim disamping untuk menghindar atau membuang semangat kebencian atau kemarahan ataupun pergaduhan. Firman Allah yang bermaksud, "(masa untuk mengerjakan ibadah) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidaklah boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh berbuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadah haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah).

Menurut saranan ayat ini, Allah telah mewajibkan keatas orang yang berihram supaya bersikap damai, berjiwa murni dan berhati mulia. Sebaliknya mengharamkan daripada pertengkaran, kekotoran dan keburukan.

Untuk meningkatkan semangat keimanan dan kedamaian di dalam jiwa muslim maka dilarang membunuh binatang darat sama ada yang halal dimakan atau tidak, sebab itulah dikatakan bahawa ibadah haji itu ialah mencari keamanan, kesejahteraan dan keselamatan.

Hikmah tawaf

Orang yang mengerjakan haji diwajibkan Taawaf iaitu mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali yang dimulakan dari Hajaruluswad. Tawaf tersebut ialah untuk menghormati Kaabah yang menjadi julung-julung rumah ibadah bagi tujuan menyembah Allah Yang Maha Esa.

Hajaruluswad yang terletak disatu sudut Kaabah itu sebagai syiar atau lambang yang dihormati oleh orang-orang Arab sejak zaman berzaman pada setiap kali diperbaiki bangunan Kaabah.

Tawaf di keliling Kaabah itu menyerupai kelakuan para malaikat yang mengelilingi Arasy Tuhan dialam malaikat. Malaikat-malaikat yang sentiasa memuji Allah dan kaum muslimin di dunia diwajibkan menghadap kiblat dimasa menunaikan sembahyang lima kali sehari semalam. Wajiblah mereka menghormati dan memuliakan Kaabah yang julung-julung dibina oleh Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail.

Hikmah Saii di antara al-Safa dan al-Marwah

Saii ialah berlari perlahan atau berjalan cepat diantara bukit Al-Safa dan Al-Marwah. Ia termasuk didalam Rukun Haji dizaman jahilliah dahulu, tetapi peristiwa itu dikekalkan di dalam Islam untuk mengingati satu peristiwa sejarah yang penting. Orang yang mula-mula Saii ialah Siti Hajar, ibu Nabi Ismail, Isteri Nabi Ibrahim a.s. Dialah yang berlari-lari disebabkan untuk mencari air bagi kegunaan puternya Ismail.

Orang-orang Arab Jahilliah mengekalkan tradisi ini, cuma mereka meletakkan dua patung yang pertama dinamakan As-saf dan yang kedua dinamakan Nailah. Satunya diletakkan di Safa dan satunya diletakkan di Marwah. Apabila munculnya Islam maka dimusnahkan patung-patung itu dikekalkan Saii di antara dua bukit itu yang telah dibersihkan daripada kesan-kesan syirik dan keberhalaan kerana mengingati peristiwa yang bersejarah dahulu itu.

Hikmah wukuf di Arafah

Islam memfardhukan wukuf di Arafah pada hari yang kesembilan bulan Zulhijjah. Kelebihan wukuf ini ialah perhimpunan agung dan perjumpaan umum antara kaum muslimin di dalam dunia yang terdiri dari berbagai bangsa, berbagai bahasa dan berbagai kebudayaan yang datang dari segenap pelusuk dunia untuk menunaikan ibadat haji. Maka di padang Arafahlah kaum muslimin dari negara-negara Arab, Pakistan, Indonesia, Turki, Malaysia, Iran, Eropah, Afghanistan, Bangladesh, Tanzania, Filipina, Amerika, Australia, Jepun, Korea, dan sebagainya boleh bertemu. Semua bangsa itu dinamakan dengan umat Islam. Mereka memakai pakaian yang sama yang sangat sederhana, semuanya berdoa kepada Allah Taala memohon limpah rahmat dan pengampunan daripada dosa-dosa dan fitnah dan memohon petunjuk supaya mendapat kesejahteraan sama ada di dalam dunia mahupun akhirat.

Keadaan yang demikian rupa melahirkan serta menggambarkan persamaan mullak dari segi lahiriah diantara umat Islam dalam dunia, tanpa persamaan, tanpa kemewahan dan tanpa kebanggaan. Hanya yang nyata ialah hamba-hamba Allah yang lemah yang selalu berkehendak kepada riayah Allah pada setiap masa.

Alangkah mulia tujuan dan matlamat ibadah haji di dalam islam. Oleh itu Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud, "Barangsiapa yang menunaikan haji dan ia tidak melakukan kefasikan nescaya keluar seperti hari yang baru diperanakkan oleh ibunya."- Hadis Riwayat Sebahagian Ahl Sunan.

Kata Dr. Phillip Hitti didalam buku sejarah Arab penggal pertama halaman 187, Ibadah Haji didalam segenap masa merupakan suatu sistem yang tunggal untuk mengeratkan perpaduan fikiran Islam diantara berbagai golongan. Sistem ini memberikan peluang kepada tiap-tiap muslim untuk mengembara sekurang-kurangnya sekali seumur hidup, untuk berjumpa dengan kaum muslimin yang lain sebagai pertemuan persaudaraan dan menyatukan perasaan di antara satu sama lain yang datang dari segenap pelusuk dunia. Berkat sistem ini memudahkan orang-orang Negro, Barbar, Cina, Eropah, Turki, Arab dan lain-lain lagi sama ada kaya atau miskin atau orang besar atau orang biasa semuanya merasa bersaudara dalam segi bahasa, keimanan dan kepercayaan.


Fifty Things to do in Haj

Insha Allah here is some sound advice for those who will be fortunate to perform Haj this year.

- 1 Greet every Muslim with a smile.
- 2 Say Salam to strangers.
- 3 Shake someone's hand and ask about his health.
- 4 Buy tea for someone.
- 5 Offer to get someone's groceries.
- 6 Sit with a Haj group from another country and ask about Islam in their village/city.
- 7 Carry someone's bags for him.
- 8 Guide someone ill to the hospital/clinic.
- 9 Shun vain talk.
- 10 Recite talbiyah loudly, encouraging others.
- 11 On the days of Eid, walk through the tents reciting talbiyah loudly reminding others.
- 12 Gather pebbles for people.
- 13 Offer to throw on behalf of physically infirm Hajjis.
- 14 Guide people to the Jamarat
- 15 Lower your gaze
- 16 Remind people of the lives of the Sahabah - Companions of the Holy Prophet (peace be upon him)
- 17 Read Our an with the Tafseer
- 18 Do the authentic Dhikr of the morning and evening
- 19 Make dua during your Sajdah
- 20 Stand to the side of a gate and offer people water/tea as they leave.
- 21 Give major attention to shy people in your group.
- 22 Remind people of patience, why they came here, and the example of our Ulama in Haj.
- 23 Explain a Haj Khutbah you may have heard to those around you.
- 24 Explain the importance of purifying one's actions for the sake of Allah

- 25 Phone relatives (from Makkah) on Eid day.
- 26 Make dua for forgotten friends (and the author of this list).
- 27 Don't allow Muslims to fight during Haj
- 28 Help people find a place to sleep.
- 29 Remember during the heat the unending torment of hellfire.
- 30 Say La ilaha illa Allah, wahdahu la sharika lah, lahul Mulka wa lahul hamd, wa Huwa ala kulli shay in Qadeer as many times as you can.
- 31 Say the dua of entering the market place when you go there.
- 32 Give charity to those who sell meager things (sandals/eggs).
- 33 Attend the Halaqahs that are held in Mina.
- 34 Stay for the 13th of Dhul Hijjah.
- 35 Remind people to go home as better Muslims.
- 36 Forgive people that wrong you.
- 37 Talk to 10 different people from 10 different countries.
- 38 Compliment someone sincerely.
- 39 Visit the hospital and thank Allah for all that He has given you.
- 40 Take young Muslims and invite them to sit with the elders. Make them the center of attention.
- 41 Give a tafseer class after Salah / ask someone knowledgeable.
- 42 (For men) On the days of Eid, offer perfume to those around you.
- 43 Ask about the health of senior women in your group. Make sure they are attended to.
- 44 Focus hard on helping those immediately near you.
- 45 Take people to the slaughterhouse and help them / or assist them in purchasing their slaughter coupons.
- 46 Remember specific blessings Allah has bestowed upon you and say Alhamdulillah.
- 47 Pray to Allah using his 99 most beautiful names (Al-Asmaa Al-Husna).
- 48 Use a Miswak.
- 49 Fill your pockets with candies and give to the children that you meet.
- 50 Always intend reward from Allah for everything you go through during Haj.

Muhammad Al-Shareef Saudi Gazette 25/12/03



Ya Allah, Today, upon a bus,
I saw a girl with golden hair and wished I was as fair.
When suddenly she rose to leave, I saw her hobble down the aisle.
She had one leg and wore a crutch. But as she passed, a smile.
Ya Allah, forgive me when I whine. I have 2 legs, the world is mine.

I stopped to buy some candy. The lad who sold it had such charm.
I talked with him, he seemed so glad. If I were late, it'd do no harm.
And as I left, he said to me, "I thank you, you've been so kind.
It's nice to talk with folks like you. You see," he said, "I'm blind."
Ya Allah, forgive me when I whine. I have 2 eyes, the world is mine.

Later while walking down the street, I saw a child with eyes of blue.
He stood and watched the others play. He did not know what to do.
I stopped a moment and then I said, "Why don't you join the others, dear?"
He looked ahead without a word. And then I knew, he couldn't hear.
Ya Allah, forgive me when I whine. I have 2 ears, the world is mine.

With feet to take me where I'd go. With eyes to see the sunset's glow.
With ears to hear what I'd know. Ya Allah, forgive me when I whine.
I've been blessed indeed, the world is mine.

Funny, isn't it?

Funny how simple it is for people to trash Allah and then wonder why the world's going to hell.
Funny how we believe what the newspapers say, but question what the Allah says.
Funny how everyone wants to go to heaven provided they do not have to believe, think, say, or do anything that Allah says.
Funny how someone can say "I believe in Allah" but still follow Shaytaan (Who, also "believes" in Allah).
Funny how you can send a thousand 'jokes' through e-mail and they spread like wildfire, but when you start sending messages regarding Allah, people think twice about sharing.
Funny how when you go to forward this message, you will not send it to many on your address list because you're not sure what they believe, or what they will think of you for sending it to them.
Funny how I can be more worried about what other people think of me than what Allah thinks of me. Are you thinking? Yes, I do Love Allah!

"An Intelligent Person Is One Who Is Constantly Thinking About And Preparing For Death"
"O you who believe! What is the matter with you, that when you are asked to march forth in the Cause of Allah, you cling heavily to the earth. Are you pleased with the life of this world rather than the Hereafter. But little is the enjoyment of the life of this world as compared with the Hereafter." (Quran 9:38)

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui(dengan nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram. Dan dimana saja kamu berada, palingkanlah mukamu ke arahnya." - Maksud Surah Al-Baqarah : Ayat 143-144

Rasulullah saw bersabda; "Ibadah Umrah sampai ibadah umrah berikutnya adalah kafarat terhadap dosa diantara keduanya. Ibadah Haji yang mabrur, tiada balasannya melainkan syurga." – Hadis riwayat Muslim



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



MAJLIS MERAIKAN BAKAL HAJI – Surau Al-Ulum KD9 telah mengadakan Majlis Meraikan Bakal Haji dari Perjiranan Rimba Riang KD9 pada **Ahad 26 November, 2006** bertempat di Surau Al Ulum KD9. Satu kuliah khas telah disampaikan oleh YBhg. Ust. Muhadir Joll dari UIA. Seramai 3 pasang suami isteri yang bakal menunaikan fardu haji diraikan dimajlis tersebut terdiri dari pasangan Sdr Baharin Abdul Mubin & isteri, pasangan Sdr Mohd Yazid Yusof & isteri dan pasangan Dr Mohd Azlan & isteri.

IBADAH QURBAN / AQIQAH. Adalah dipelawa kepada semua Muslimin dan Muslimat Perjiranan Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran serta anggota keluarga bagi menyertai ibadah Qurban/Aqiqah bagi tahun 1427H/2006M. Satu bahagian ialah **RM330.00**. Tarikh tutup penyertaan ialah **25 Disember 2006**. Untuk keterangan lanjut dan borang penyertaan sila hubungi Jawatan-kuasa berikut:

1. Dato' Jaafar Kamin (016-3015463) – No. 1 Rimba Riang 9/4
2. Sdr. Mohd Hasni Hashim (012-3086014) – No. 21 Rimba Riang 9/4
3. Sdr. Adnan Abdullah (019-2409378) – No. 22 Rimba Riang 9/2
4. Sdr. Zainal Abd Razak (012-2138578) – No. 24 Rimba Riang 9/3A

BACAAN YAASIN DAN TAHLIL ARWAH - Sepanjang tahun Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis bacaan Yaasin dan tahlil arwah selepas solat Maghrib bertujuan untuk pengimarah surau serta memberi peluang kepada semua untuk memberikan sedekah kepada arwah mereka yang dikasihi. Tuan/puan yang berhajat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas kepada mana-mana AJK Surau.

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyempit Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

– Biro Penerbitan & Penerangan

Untuk Renungan Bersama

ANTARA KELUHAN DAN KESABARAN

Dikisahkan semasa Abu Hassan mengerjakan ibadah haji tiba-tiba ia terpancang pada seorang wanita yang berseri mukanya lalu ia berkata, "demi Allah, aku tidak pernah melihat wanita yang berseri wajahnya sebelum ini, tentu ia tidak pernah menghadapi sebarang masalah." Mendengarkan demikian lalu wanita itu menjawab, "Apa yang kamu katakan itu tidak betul, aku sendiri sedang menanggung penderitaan yang amat sangat dan dalam masalah ini tiada siapa yang boleh dipersalahkan." Bagaimana boleh terjadi demikian, tanya Abu Hassan. Jawab wanita itu, "Suatu hari suamiku telah menyembelih seekor kambing dengan disaksikan oleh keempat-empat anakku.

Seorang telah berkahwin, dua lagi masih kanak-kanak dan yang bongsonya masih menyusu. Berkatalah anakku yang tengah kepada adiknya, 'kamu ingin tahu bagaimana ayah kita menyembelih kambing?' Siadik pun mengangguk. Maka dilentangkan adiknya lalu disembelih. Perhatikan darah yang mengalir ia menjadi takut lalu lari ke hutan. Akhirnya ia dimakan oleh serigala di sana. Suamiku yang pergi mencarinya di hutan turut meninggal kerana kehausan. Aku pun keluar dari rumah untuk mencari suamiku dengan meninggalkan anak kecil. Anak inipun merangkak ke dapur lalu ditariknya periuk yang sedang mendidih maka tersimbahlah air panas kebadannya dan ia mati di situ.

Berita ini sampai kepada anakku yang tua. Kerana terkejut ia jatuh pangsang lalu mati. Kini tinggallah aku sebatang kara." Soal Hassan lagi, "Bagaimana kamu boleh bersabar dengan ujian yang maha hebat ini?" Jawab wanita itu, "Sesungguhnya antara kesabaran dan keluhan adalah dua jalan yang berbeza. Sabar ialah dengan memperbaiki batiniah, membersihkan hati serta menerima segala sesuatu itu kerana Allah. Adapun mengeluh adalah sifat dan tanda orang yang tidak ikhlas kepada Allah kerana ia tidak dapat menerima sesuatu itu sebagai takdir untuknya.

Jadual Aktiviti / Pengajian Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/12 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Yakob	Fegah
02/12 (Sabtu)	Ust Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
03/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
04/12 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
05/12 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
06/12 (Rabu)	Ust Jamsari Mansor	Tafsir
07/12 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
08/12 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
09/12 (Sabtu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
10/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
11/12 (Isnin)	Ust. Halim Din (LZakat S'gor)	Hadith
12/12 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
13/12 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Umum
14/12 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
15/12 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Yaakon	Fegah
16/12 (Sabtu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
17/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
18/12 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
19/12 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
20/12 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
21/12 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
22/12 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
23/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
24/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
25/12 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
26/12 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
27/12 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Umum
28/12 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
29/12 (Jumaat)	Ceramah Umum Eidul Adha 1	
30/12 (Sabtu)	Takbir Hari Raya Eidul Adha	

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'tompok-topok hitam' dalam hati kita

SYAITAN MENOLONG ORANG BUTA KE SURAU/MASJID

Kisah ini, tak pasti semasa zaman Nabi s.a.w atau para sahabat. Ada seorang buta yang rajin solat berjemaah di masjid. Ada tali yang di buat untuk menghubungkan rumahnya dan masjid. Antara rumah dan masjid ada satu lubang yang berair. Suatu hari, dia terjatuh kedalam lubang tersebut dan beliau berpatah balik, untuk salin baju yang bersih. Kali kedua, dia terjatuh lagi dan balik semula untuk bersalin baju. Kali ketiga, dia rasa nak terjatuh lagi tetapi tiba-tiba ada orang yang menyambut untuk menahannya dari jatuh dan memimpinnya hingga sampai ke masjid. Beliau bertanya kepada orang tersebut, siapakah dia. Orang itu menjawab, "Aku adalah syaitan.?" Orang buta itu terkejut lalu bertanya, kenapa dia menolongnya dari jatuh ke dalam lubang tersebut. Syaitan menjawab, "Aku menolong sebab aku takut dosa orang-orang Islam lain terampun. Ini kerana semasa engkau terjatuh kali pertama, dosamu Allah ampunkan, semasa engkau jatuh kali kedua, seluruh dosa ahli keluargamu diampunkan, dan jika aku biarkan engkau jatuh kali ketiga maka seluruh dosa umat Islam akan terampun. Sebab itu aku menolongmu.?"

Lihatlah dan fikirkanlah betapa besarnya pahala orang yang melangkah ke masjid atau surau, itu belum ditambah dengan pahala mengerjakan solat berjemaah. Orang yang butapun sanggup bersusah payah untuk solat berjemaah di masjid, inikan pula kita yang sihat walafiat tanpa ada sebarang halangan kecuali halangan nafsu yang sering memujuk kita untuk terus malas dalam menambah pahala untuk bekalan ke akhirat, kehidupan yang lebih kekal.... ~wallahuallaham~